



TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR

PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 4/2024
TARIKH: 15 OGOS 2024 (KHAMIS)
MASA: 8.30 PAGI
TEMPAT: AUDITORIUM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berusaha Dr. Norhazni Binti Mat Sari,
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAS,

Yang Berusaha Puan Hajah Azuri Azizah Binti Saedon,
Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Menanggung Kerja Timbalan
Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS

Yang Berusaha Tuan Haji Shafe'ee bin Yasin
Pengarah Bahagian Penguatkuasa

Pengarah- pengarah Bahagian, Ibu Pejabat, Pengarah EiMAS, Pengarah-
pengarah Negeri,

Para pegawai dan warga Jabatan Alam Sekitar yang hadir di dewan atau
secara atas talian;
Tuan- tuan dan puan- puan, hadirin dan hadirat sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia Madani,**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di pagi yang berbahagia ini dalam Majlis Perhimpunan Jabatan Alam Sekitar Bil.4 Tahun 2024.
2. Hari ini seluruh warga JAS bersatu hati dengan memakai pakaian kebangsaan yang bertemakan warna jalur gemilang dalam usaha menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan. Sambutan pada tahun ini adalah bertemakan “Malaysia Madani: Jiwa Merdeka” yang menunjukkan lambang kesepaduan secara holistik negara yang maju dan progresif menaungi rakyat yang berbilang kaum, bersatu hati dan teguh jati dirinya. Dalam konteks Jabatan ini, saya berharap agar semua pegawai JAS bersatu padu melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam usaha membangun Malaysia Madani yang lestari.

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

Pewartaan dan Kuatkuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

3. Seiring dengan usia kematangan negara, JAS juga pada tahun ini sebagaimana semua sedia maklum kita menyambut 50 tahun Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Alhamdulillah pada tahun ini usaha Jabatan Alam Sekitar untuk memperkasakan dan memantapkan perundungan tercapai dengan pewartaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 pada 6 Jun 2024 dan ianya telah mula berkuatkuasa pada 7 Julai 2024 yang lalu.
4. Antara Intipati pindaan akta ini adalah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:
 - i. Pemantapan hukuman penalti dengan julat kadar denda minimum tidak kurang daripada RM5,000, denda maksimum tidak melebihi RM10 juta;
 - ii. Peningkatan kadar kompaun daripada tidak melebihi RM2,000 kepada tidak melebihi 50% daripada denda maksimum kesalahan berkaitan;

- iii. Pewujudan denda maksimum RM10 juta bagi kesalahan melibatkan pencemaran air, pencemaran buangan minyak serta buangan di perairan Malaysia dan pelupusan haram buangan terjadual;
 - iv. Hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima (5) tahun ke atas kesalahan melibatkan pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran air dan ketidakpatuhan keperluan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA); dan
 - v. Pakaian seragam kepada semua pegawai JAS yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan setaraf dengan agensi-agensi penguatkuasa yang lain.
5. Sehubungan itu juga, insyallah pada tahun ini semua pegawai penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar akan dibekalkan dengan pakaian seragam Baharu. Saya yakin dengan adanya pakaian seragam ini nanti akan meningkatkan kewibawaan dan profesionalisme Pegawai Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar dan setanding dengan agensi beruniform yang lain. Dengan berkuatkuasanya pindaan akta ini, tanggungjawab kita semua semakin bertambah. Sekarang merupakan fasa untuk jabatan memaklumkan dan menyebarluaskan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling ini dalam kalangan masyarakat dan semua pemegang taruh. Ini adalah satu proses yang ingin kita perkasakan dan jayakan dalam usaha membudayakan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar kepada semua pihak kerana ianya bukan merupakan agenda Jabatan sahaja tetapi ianya adalah tanggungjawab semua pihak.

MOU Jabatan Alam Sekitar(JAS) - Angkatan Pertahanan Awam (APM)

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Satu Memorandum Persefahaman (MoU) akan ditandatangani antara JAS dan APM pada hari ini sejurus Majlis pada pagi ini selesai. Melalui MoU ini, terdapat beberapa strategi atau bidang kerjasama yang menjadi fokus utama antaranya ialah:

- (i) Perkongsian maklumat;
- (ii) Pencegahan pencemaran alam sekitar melalui rondaan dan penguatkuasaan;
- (iii) Hebahan dan kesedaran masyarakat; dan
- (iv) Pembangunan modal insan.

7. Kerjasama antara JAS dan APM telah sedia ada terjalin selama ini. Namun, dengan adanya MoU ini, saya berharap dan percaya ini akan mengeratkan lagi kerjasama sedia ada serta mempertingkatkan sistem penyampaian kita dengan lebih berkesan. Ini kerana kerjasama merentasi Jabatan dan Agensi ini amat perlu supaya perkara-perkara yang melibatkan bidang kuasa Agensi lain dapat diselesaikan secara tuntas.

Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

8. Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus komited menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan Peraturan-Peraturan-Peraturan di bawahnya ke atas punca-punca pencemaran dan kawasan '*hotspot*' bagi mencegah kejadian pencemaran alam sekitar. Bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Julai 2024,

sebanyak **10,061** pemeriksaan telah dilaksanakan di seluruh Negara ke atas pelbagai sektor industri termasuk kilang kelapa sawit mentah (KKS), kilang getah asli mentah (KG), kilang pengolahan/ pelupusan buangan terjadual, kilang-kilang pembuatan dan loji rawatan kumbahan. Dalam hal ini, Sebanyak **2,329** tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah diambil ke atas premis yang gagal mematuhi peruntukan Akta tersebut yang merangkumi **968** notis arahan, 1,186 kompaun dikeluarkan, 53 penahanan operasi kelengkapan, 3 premis dikenakan perintah larangan, 5 premis dikenakan gantung lesen dan 114 kes untuk penyediaan kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan.

9. Bagi tempoh Januari – Julai 2024 juga, sebanyak **49 Ops Gempur yang melibatkan 449 premis** telah dilaksanakan oleh JAS Negeri, termasuk 4 siri Ops Gempur Bersepadu yang dilaksanakan mengikut zon yang melibatkan Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

10. Manakala bagi tempoh yang sama, sebanyak **1,898 kompaun** telah dikeluarkan bagi semua kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dengan hasil kutipan sebanyak **RM 1,784,900.00**. Manakala sebanyak 157 pertuduhan telah berjaya disabitkan dengan jumlah denda terkumpul sebanyak **RM 4,130,500.00**.

11. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pegawai JAS yang telah menunjukkan dedikasi tinggi dan memberikan komitmen padu dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah serta tuntutan rakyat di luar sana dalam memastikan alam sekitar terpelihara.

Pensijilan JAS di bawah Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Seperti yang pihak Tuan/ Puan sedia maklum, JAS telah memperolehi pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di bawah MS ISO 9001 sejak tahun 2010 bagi skop Pemprosesan Laporan EIA dan Penguatkuasaan Syarat – Syarat EIA. Dalam hal ini, JAS telah berjaya mengekalkan pensijilan tersebut iaitu di bawah MS ISO 9001 versi 2015 bagi tempoh 25 Oktober 2022 hingga 21 Oktober 2025 di bawah skop yang sama.

13. Salah satu keperluan di bawah MS ISO adalah pelaksanaan Audit Kualiti Dalaman. Saya difahamkan bahawa Audit Kualiti Dalaman ini telah bermula pada 29 Julai 2024 dan akan berakhir pada 16 Ogos 2024 yang melibatkan JAS Ibu Pejabat (termasuk EiMAS) dan sepuluh (10) JAS Negeri. Ianya juga adalah sebagai persediaan kepada Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd yang akan dijalankan pada awal Oktober 2024. Dalam konteks ini, saya berharap semua JAS Bahagian, Ibu Pejabat, EiMAS dan JAS Negeri yang terlibat telah membuat persediaan yang sewajarnya dalam usaha mengekalkan pensijilan MS ISO ini. Saya percaya proses audit ini sendiri adalah satu platform kepada kita semua untuk mendapatkan input dan peluang ke arah penambahbaikan secara berterusan dalam melaksanakan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan dan menjadi pemangkin ke arah perkhidmatan awam yang lebih cemerlang dan berkualiti.

NAIK TARAF PERPUSTAKAAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Dalam usaha Jabatan untuk melahirkan warga JAS yang berilmu, inovatif, dan kreatif, fungsi perpustakaan memainkan peranan penting dalam menyalurkan ilmu serta maklumat kepada semua warga JAS. Di bawah Projek RMKe-12 bagi tahun 2022 dan 2023. JAS Negeri juga telah diberi peruntukan untuk dinaik taraf agar seiring dengan perkembangan teknologi terkini. Ini bertepatan dengan hasrat untuk menyediakan persekitaran yang lebih kondusif dan menarik kepada pengunjung perpusatakan JAS di seluruh Malaysia. Selaras dengan usaha menyokong perkembangan teknologi digital, perpustakaan JAS juga telah dijenamakan semula sebagai Perpustakaan Enviro Digital @JAS Putrajaya, seiring dengan hasrat ke arah transformasi maklumat digital.

KEWANGAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

14. Pengurusan kewangan adalah menjadi tanggungjawab setiap Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat dan Pengarah Negeri. Oleh itu, semua Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat dan Negeri adalah dipohon untuk menyusun semula keutamaan perbelanjaan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan dan menangguhkan pelaksanaan aktiviti yang tidak menyumbang kepada pencapaian *outcome* Jabatan. Prestasi perbelanjaan mengurus Jabatan Alam Sekitar sehingga 31 Julai 2024 adalah 60.54% bersamaan dengan RM81.37 juta.

15. Suka untuk saya mengingatkan kepada semua Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat dan Negeri supaya sentiasa memastikan pesanan kontrak hendaklah dikeluarkan sebelum perkhidmatan dilaksanakan. Ini adalah rentetan daripada teguran oleh Kementerian Kewangan berkaitan permohonan pembayaran bil menggunakan Invois tanpa pesanan Kerajaan. Semua pegawai juga perlu sentiasa menyemak senarai tugas harian supaya tiada kelewatan pembayaran bil melebihi tempoh 14 hari seperti mana yang telah berlaku pada tahun 2023.

16. Selaras dengan pindaan Pekeliling Perbendaharaan, semua pegawai perlu peka terhadap tatacara kewangan yang berkuatkuasa yang terkini. Oleh itu, pengarah Bahagian, Ibu Pejabat dan Negeri perlu sentiasa memastikan pegawai seliaan mengemukakan borang tuntutan perjalanan yang lengkap dan disahkan kepada Seksyen Kewangan tidak lewat daripada 15hb bulan berikutnya bagi mengelakkan daripada pembayaran di bawah AP100(a).

INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Arahan Dato' Sri KPPA Berhubung Peningkatan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan Yang Berintegriti

Tuan-tuan/ puan-puan yang saya hormati sekalian,

17. YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan arahan berhubung peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dimana

semua Ketua Jabatan telah dikehendaki membuat pemeriksaan mengejut bagi memastikan keberadaan serta pelaksanaan tugas pegawai awam di tempat kerja dilaksanakan secara berintegriti. Pemeriksaan mengejut juga dilaksanakan bagi memastikan pengurusan kaunter yang berkualiti dan peka pelanggan.

18. Bagi perkara ini, saya telah mengadakan pemeriksaan mengejut ke pejabat cawangan untuk menilai sendiri pelaksanaan tugas pegawai selain melihat kesesuaian lokasi dan susun atur dalaman pejabat bagi memastikan persekitaran yang kondusif untuk pegawai JAS melaksanakan kerja.

19. Besarlah harapan saya kepada semua warga JAS supaya sentiasa sedaya upaya melaksanakan semua dasar dengan baik, mematuhi peraturan yang berkuatkuasa bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang telus kepada rakyat, sentiasa berpaksikan kepada nilai dan perlu memastikan *good governance* yang baik semasa melaksanakan tugas masing-masing.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

20. Akhir kata, kita sudah sedia maklum bahawa kita akan menghampiri fasa suku tahun terakhir bagi tahun 2024. Sewajarnya setiap apa yang dirancang bagi tahun ini telah mencapai 80 peratus daripada perancangan. Di waktu ini Tuan/Puan haruslah menyegerakan perkara-perkara yang

masih dalam pelaksanaan supaya kita dapat mencapai KPI bagi tahun 2024 secara keseluruhannya.

21. Saya percaya dengan kerjasama erat dan saling menyokong antara satu sama lain sebagai satu keluarga besar di dalam organisasi perkara ini bukan sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan, kerana kejayaan sesebuah organisasi akan dapat dicapai dengan sokongan padu anggota yang berada di dalamnya. Semoga kita bersama sebagai satu keluarga besar JAS dapat melaksanakan visi dan misi Jabatan dengan jayanya.

Sekian

Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.